

**Rakyat Sabah Matang Untuk Menolak Hasutan Parti Pembangkang - Najib  
Bernama  
2 September, 2012**

SANDAKAN, 2 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yakin rakyat Sabah cukup matang untuk menolak dan tidak termakan hasutan yang dibawa oleh parti pembangkang.

Menurut beliau rakyat Sabah tahu bahawa hanya melalui Umno dan Barisan Nasional (BN) sahaja dapat membangunkan negeri ini dan membela nasib rakyat.

Katanya rakyat Sabah dan Malaysia keseluruhannya sudah memahami bahawa agenda terpenting bagi kerajaan adalah Progam Transformasi Nasional .

"Sehingga kini, sudah banyak kejayaan dan bagi kami (kerajaan) lima tahun untuk melipatgandakan kejayaan itu," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Perwakilan Umno Bahagian Zon 5 (Libaran, Sandakan, Batu Sapi, Kinabatangan dan Beluran) di sini hari ini.

Najib dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor kemudiannya menghadiri Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri anjuran Umno Zon 5 sebelum beliau berlepas ke Kota Kinabalu.

Najib berkata kerajaan Persekutuan menyedari Sabah masih memerlukan kemudahan jalan raya, elektrik, rumah dan pelbagai kemudahan lain.

Katanya semua itu mampu dilaksanakan oleh BN yang selari dengan komitmen Janji Ditepati dalam menyediakan kemudahan yang diperlukan oleh rakyat di mana sahaja mereka berada.

Beliau berkata hubungan baik dan kerjasama rapat antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri Sabah memperkukuhkan lagi usaha membangunkan negeri ini.

"Saya senang hati dengan kerjasama diberikan oleh kerajaan negeri Sabah diketuai (Ketua Menteri) Musa Aman dalam membangunkan Sabah.

"Jika terdapat pandangan berbeza, ia dibawa berbincang dan diselesaikan untuk kepentingan rakyat Sabah. Ini menjadi asas penting kepada kerjasama antara kerajaan pusat dan negeri Sabah," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau akan memastikan pembangunan di Sabah seimbang dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Katanya antara usaha itu adalah memberikan peruntukan besar di bawah program transformasi nasional kepada Sabah dan Sarawak.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=691337>